

# Kedah ke separuh akhir Piala Emas Raja-Raja

Izzali Ismail

sukanteam@nstp.com.my



PEMAIN Kedah meraikan kemenangan menewaskan Melaka pada aksi suku akhir kedua Piala Emas Raja-Raja. -FOTO KDA FC

Alor Setar : Hasrat Kedah untuk melangkah ke saingan separuh akhir Piala Emas Raja-Raja 2023 tercapai apabila menewaskan Melaka melalui sepakan penalti 5-4 selepas kedudukan terikat 1-1 secara agregat pada aksi di Stadium UtEM Melaka Sabtu lalu.

Pencapaian ke saingan separuh akhir itu sekali gus mengulangi rekod tujuh tahun lalu selepas menewaskan skuad Perlis pada edisi 2016.

Gol penyamaan Kedah dihasilkan pada minit ke-67 melalui Muhd Amil Haikal selepas tuan rumah membuka tirai jaringan melalui Muhd Hakimi Helmy dua minit sebelum itu.

Ketua Jurulatih Kedah, Mohamad Khairul Ismail berkata beliau berbangga dengan kebangkitan dipamerkan pemainnya yang berjuang sehingga perlawanan ditentukan menerusi sepakan penalti.

"Semua pemain perlu kekal fokus untuk mengembalikan tahap kecergasan apabila turun berdepan Terengganu di tempat lawan pada aksi separuh akhir pertama 18 November ini.

"Pemain saya dapat bertahan dengan baik pada babak pertama namun apabila ketinggalan satu gol, pemain memberi respon yang cepat untuk bangkit menyamakan kedudukan selang beberapa minit selepas itu hingga membawa ke babak masa tambahan.